

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche
Hussein Onn di-Upachara Pembukaan Rasmi
Bangunan Tambahan Sekolah Mohd. Khir
Johari, Johor Baharu, pada 27.8.1971,
Jam 2.30 petang.

Saya bershukor kahadzrat Allah subhanahuwata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-nya dapat saya hadir bersama2 tuan2 dan puan2 pada petang ini untuk melakukan upachara perasmian bangunan tambahan Sekolah Mohd. Khir Johari Majidi, Johor Baharu pada hari yang berbahagia ini.

Sekolah Mohd. Khir Johari ini ialah sekolah rendah kebangsaan yang terbesar di-Negeri Johor ini. Sungguh pun pada mula-nya bangunan asal sekolah ini telah di-dirikan dengan chara bergotong-royong oleh penduduk2 kampung, dan murid2-nya hanya berjumlah 80 orang, tetapi dalam jangka masa yang singkat, ia-itu kira2 lima belas tahun sahaja, jumlah murid2-nya telah meningkat kepada 1,306 orang dengan bangunan yang besar dan tersergam seperti yang ada di-hadapan tuan2 dan puan2 pada hari ini.

Pada mula-nya Kerajaan telah memberi peruntokkan wang sebanyak \$3,000 untuk mendirikan sebuah bangunan sekolah sebagai menggantikan bangunan asal yang saya sebutkan tadi. Kemudian, peruntokkan wang sebanyak \$17,000 telah di-beri untuk pembinaan sebuah padang permainan. Ini adalah kerana di-fikirkan bahawa usaha mempertingkatkan mutu pelajaran murid2, bimbingan ka-arrah menchapai matalamat kesempurnaan kesihatan dan kecherdasan otak adalah juga perlu dan penting. Selain daripada peruntokkan2 yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian Pelajaran telah juga membina sebuah bilek rehat guru2, satu unit tandas dan pagar kawasan sekolah ini yang berjumlah \$22,000.

Pada hari ini pula, kita dapat menyaksikan satu lagi perprojek Kementerian Pelajaran bagi sekolah ini ia-itu sebuah bangunan tambahan dua tingkat yang mengandongi 7 buah bilek darjah dan sebuah bilek kutub khanah. Bangunan tambahan yang tersergam di-hadapan tuan2 dan puan2 ini telah menelan belanja sebanyak \$85,000. Adalah di-perchayai dengan terlaksana-nya perprojek yang terbaharu ini beberapa perkara yang telah menjadi masalah sekolah ini dapat di-atasi. Adalah juga di-harap segala kemudahan2 yang telah di-berikan ini akan dapat di-gunakan dengan wajar dan sapenoh-nya oleh guru2 dan murid2 sekalian.

Dengan terlaksana-nya perprojek2 yang telah saya sebutkan tadi maka jelaslah kepada tuan2 dan puan2 sakalian akan peranan2 yang telah di-mainkan oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha2-nya memberikan segala kemudahan dan kelengkapan kepada sekolah ini. Saya suka menyeru ibu bapa di-sini supaya terus memberikan kerjasama yang erat dalam masaalah pelajaran anak2 kita supaya mereka itu lebeh2 maju lagi dari masa yang sudah2. Sikap ibu bapa yang menyerahkan tanggung jawab-nya kepada guru2 dalam soal kemajuan pelajaran anak2 mereka tidaklah sesuai lagi dengan zaman moden sekarang ini. Sikap saumpama ini akan merugikan anak2 dan ibu bapa sendiri. Oleh yang demikian, kira-nya ada di-antara ibu bapa yang bersikap saumpama ini saya serukan di-sini supaya mengubah sikap ini dan bersama2lah dengan ibu2 bapa yang lain dalam memberikan kerjasama yang sapenoh-nya di-samping guru2 supaya anak2 kita akan menjadi anggota masyarakat yang berpelajaran tinggi, berdisiplin dan berguna kepada tanah ayer kita.

Saya juga berharap agar usaha kita untuk membentok jenerasi muda yang berdisiplin, bertenaga dan berguna kepada bangsa dan Negara itu adalah juga di-sedari oleh belia2, terutama belia2 di-kawasan ini dan dapat mereka itu mengawal diri serta menjauhi daripada perbuatan2 liar dan anti nasional. Sabalek-nya adalah di-harapkan gulongan muda di-sini dapat memberi kerjasama mereka kepada sekolah ini dan tingkah laku serta gerak langkah mereka akan dapat menjadi chontoh dan tauladan kepada adek2 mereka yang belajar di-sekolah ini.

Akhir-nya sekali lagi saya berseru kepada guru2 sakalian agar berwaspada untuk menunaikan kehendak2 Negara supaya murid2 dapat di-bentok dengan konsep2 pendidekan yang wajar dan sempurna. Kementerian Pelajaran telah, sedang dan akan terus berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan taraf pengajaran anak2 di-bangku sekolah. Adalah di-harapkan guru2 sakalian akan terus menerus memainkan peranan masing2 dengan lebeh2 lagi daripada masa yang sudah2 untuk memandu anak2 bangsa ka-matalamat yang di-chitakan salaras dengan perinsip2 Rukunegara.

Dengan ini, saya, dengan nama Allah yang amat murah lagi amat mengasihani, dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Mohd. Khir Johari, Majidi, Johor Baharu.



No. Siri	55
No. Penerimaan	55/80